

Newspaper	Berita Harian
Date	16/08/2017C

Dr M didakwa bertanggungjawab

BH-16/8/2017 pg.4

Kuala Lumpur: Anak seorang mangsa peristiwa Memali pada 1985, Mohamad Zuhdi Mat Piah, mendakwa Tun Dr Mahathir Mohamad, bertanggungjawab terhadap tragedi hitam Memali yang mengorbankan 18 orang termasuk empat anggota polis.

Menulis di laman Facebooknya, Mohamad Zuhdi mendakwa: "Tanganmu berlumuran darah mangsa Memali, 14 orang dibunuh dengan kejam lagi zalim, walaupun bukan kamu yang tembak atau bunuh mereka (seperti mana kamu tidak pegang satu bata pun untuk pembangunan negara) tetapi ia berlaku kerana arahan kamu.

"(Pada) tarikh itu (peristiwa Memali pada 19 November 1985), 14 orang isteri menjadi balu, anak menjadi yatim, keluarga kehilangan ayah, 3,600



Mohamad Zuhdi

anggota polis lengkap bersenjata menyerang orang kampung bersama seorang ustaz kesayangan mereka.

Bapa turut jadi mangsa

"Kereta perisai dibawa ke sana, merempuh pagar dengan rakus, melepas gas pemedih mata kepada orang kampung termasuk wanita dan kanak-kanak," katanya.

Mohamad Zuhdi juga mendakwa, bapanya, Mat Piah Yunus, turut menjadi mangsa apabila ditembak dengan peluru M16 sehingga 14 biji peluru hinggap di badannya serta menyebabkan jarinya putus dan tangannya patah.

Katanya, bapanya diikat dengan rantai besi bagaikan penjenayah paling besar dan berbahaya.

"Sehingga pernah mak bawa saya ke hospital untuk ziarah

Ayah, saya ketika itu baru berumur setahun, menjerit ketakutan melihat keadaan Ayah. Kenapa sampai begitu? Sekali saya tidak akan katakan ia 'isu kecil'.

"Selepas beberapa bulan, Ayah dimasukkan ke dalam tahanan ISA, dua tahun akan ditahan. Dalam keadaan mak yang tidak sihat dan saya masih kecil, Ayah diperlakukan tanpa perikemanusiaan," katanya dalam catatan berkenaan.

Mohamad Zuhdi berkata, selepas 32 tahun berlalu, Dr Mahathir tidak pernah mengaku salah apatah lagi ingin memohon maaf.

Katanya, peristiwa di Memali itu boleh disahkan oleh Mohamad Sabu, Datuk Mahfuz Omar dan Salahuddin Ayub namun ketiga-tiganya kini bersama Dr Mahathir.